



MESRANYA EMPAT PEMIMPIN KITA!

● "APA boleh buat, perhimpunan agung setahun sekali macam ini memang peluang perwakilan mengkritik kita," begitu lah agaknya yang diucapkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sambil mendepak tangannya.

Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam, Ketua Pergerakan Pemuda, Encik Anwar Ibrahim dan Ketua Pergerakan Wanita, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani tersenyum sahaja mendengar kata-kata ke-tuannya.

Senyuman keempat tokoh terpenting UMNO ini menggamakan mereka mengerti suasana begini yang terpaksa menerima berbagai kritikan, kecaman, pujian dan desakan dari perwakilan.

Maklumlah setahun sekali perwakilan dapat berdebat secara terbuka dengan pemimpin mereka, jadi sebarang masalah, itulah masanya untuk meluahkan pandangan atau perasaan masing-masing.

Bagaimanapun, pertemuan keempat pemimpin UMNO ini mungkin untuk membincangkan perkara yang lebih penting kerana sepanjangan perhimpunan itu, baru semalamlah mereka berempat kelihatan bersama.

Kesempatan ini diabdikan oleh Jurufoto Berita Minggu, YUSOF OMAR untuk tatapan bersama.

Peluang ini memang sukar didapati kerana keempatnya sentiasa sibuk dengan tugas masing-masing.

No. Siri 2968
No. Penerimaan 73/85